# KAJIAN PENERAPAN UNSUR RUPA BENTUK RUMAH MELAYU TRADISIONAL DI KALANGAN 4 RUMAH KOTEMPORARI DI SEKITAR JOHOR BAHRU

MOHD. NAKIA B. NAWI / MOHD. NAWI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : KAJIAN PENERAPAN UNSUR RUPA BENTUK RUMAH MELAYU TRADISIONAL DI KALANGAN 4 RUMAH KOTEMPORARI DI SEKITAR JOHOR BAHRU

SESI PENGAJIAN : 2001 / 2002 / 2

Saya MOHD NAKIA BIN NAWI @ MOHD NAWI

( HURUF BESAR )

mengaku membenarkan tesis ( PSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah ) * ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan tesis untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. ** Sila tandakan ( )

☐ SULIT ( Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972 )

☐ TERHAD ( Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan )

☑ TIDAK TERHAD

| | |
|---|---|
| ( TANDATANGAN PENULIS ) | ( TANDATANGAN PENYELIA ) |
| Alamat Tetap : 3 JALAN KEBANGSAAN<br>36 TAMAN UNIVERSITI<br>81300 SKUDAI, JOHOR. | PN. GURUPIAH BT. MURSIB<br>JABATAN SENIBINA, FAKULTI<br>ALAM BINA, UTM SKUDAI, JOHOR. |
| Tarikh : 9 MAC 2002 | Tarikh : 9 MAC 2002 |

CATATAN :
* Potong yang tidak berkenaan
** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagi SULIT atau TERHAD
• Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda ( PSM )

# ABSTRAK


Rumah Melayu tradisional merupakan salah satu bahan atau pun komponen tradisional yang kaya dengan adat resam dan budaya hidup Malaysia. Seni bina yang dihasilkan oleh orang Melayu tempatan ini telah melambangkan kepelbagaian kreativiti dan kemahiran orang-orang Melayu itu sendiri. Di samping itu seni bina yang dihasilkan ini hampir menjawab kepada kesemua masalah keperluan asas sebuah rumah seperti penyesuaian dengan keadaan cuaca, kepelbagai fungsi guna ruang dan kepelbagaian rekabentuk yang mudah dibina serta ditambah mengikut keperluan sesebuah keluarga yang besar. Rumah Melayu tradisional ini telah direka bentuk mengikut kehendak dan keperluan orang-orang Melayu sendiri malah ia adalah satu aspirasi kepada orang Melayu tempatan.

Kajian ini bertujuan untuk membuat satu perbandingan di antara seni bina rumah Melayu tradisional dengan seni bina rumah kotemporari yang menerapkan unsur-unsur seni bina tradisional. Untuk melihat sejauh mana keberkesanan penerapan ini dan mencari contoh-contoh yang sesuai dalam kaedah penerapan terhadap seni bina rumah kotemporari.

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu tinjaun rencana kajian kes. Bahagian tinjauan rencana mengandungi pengumpulan data dari penulisan buku, rencana, kajian yang lalu dan lain-lain yang berkaitan. Kajian kes pula melibatkan lawatan ke empat buah rumah kotemporari di sekitar Johor Bahru.

Secara amnya penerapan unsur-unsur seni bina rumah Melayu tradisional terhadap seni bina kotemporari melalui kajian kes yang dibuat adalah berjaya dan boleh dijadikan satu panduan kepada para akitek dalam mencari identiti kepada seni bina rumah Melayu kotemporari pada masa hadapan.